

# Permaps anjur program Jalinan Ukhuwah 4.0

UB 29.3.2018 B2

**KOTA KINABALU:** Seramai 43 orang menyertai program kepimpinan Jalinan Ukhuwah 4.0 anjuran Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan (Permaps) bertempat di Permai De Valley Ratau, Tebobon selama tiga hari.

Program itu dihadiri pemimpin mahasiswa terdiri daripada Majlis Tertinggi,

Majlis Eksekutif serta Majlis Sekretariat Permaps.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti perkongsian daripada alumni Permaps, latihan dalam kumpulan dan malam kebudayaan.

Aktiviti itu dilaksanakan seiring dengan objektif program iaitu membina hubungan dan kerjasama yang baik di antara

Majlis Tertinggi (MT), Majlis Eksekutif (ME) dan Sekretariat Permaps, memperkenalkan barisan kepimpinan Permaps berserta skop tugas.

Selain daripada itu, membuat pendedahan tentang ilmu kepimpinan dan organisasi kepada sekretariat.

Aktiviti yang dilaksanakan dalam bentuk kumpulan yang dibentuk secara rawak oleh

ahli jawatankuasa dan kesemua aktiviti yang dilaksanakan adalah dalam bentuk kerja kumpulan.

Perasmian Jalinan Ukhuwah 4.0, Shilfie Mojinol berharap agar kerjasama yang dibina itu bukan sahaja ditunjukkan semasa Jalinan Ukhuwah 4.0 tetapi juga dipraktikkan semasa menjalankan program di masa hadapan.

“Semoga dengan terlaksananya program ini, kerjasama serta hubungan di antara ahli Permaps lebih baik dan mampu bekerjasama secara profesional dalam apa jua program yang akan dilaksanakan kelak,” katanya.

Selain daripada Jalinan Ukhuwah, Permaps juga sedang menjalankan program seperti Klinik Psikologi di Blok Psikologi, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP).



**PESERTA Jalinan Ukhuwah Permaps.**